

KERATAN AKHBAR

TARIKH : 25 FEBRUARI 2023
AKHBAR : BERITA HARIAN
MUKA SURAT : 10

Belanjawan 2023 langkah awal struktur semula ekonomi Malaysia

Belanjawan 2023 langkah awal struktur semula ekonomi Malaysia

• Bukan masa sesuai perkenal GST walaupun pendapatan kerajaan berkurang kerana rakyat masih berdepan inflasi makanan tinggi, kadar upah rendah

• Kerajaan perlu hadapi cabaran elak hutang negara bertambah, bersifat mengembang untuk pacu ekonomi domestik hadapi kemelesetan ekonomi global



Oleh Prof Madya Dr Aimi Zulhazmi Abdul Rashid
bhrencana@bh.com.my

Penganalisis Ekonomi di UNIKL Business School

Belanjawan fiskal mengembang dimumkan Perdana Menteri yang juga Menteri Kewangan, Datuk Seri Anwar Ibrahim adalah terbesar dalam sejarah, iaitu RM388.1 bilion melebihi RM372.3 bilion pernah dibelanjakan kerajaan terdahulu sebelum pembubaran Parlimen untuk Pilihan Raya Umum Ke-15 (PRU15). Ia juga satu lonjakan RM56 bilion tinggi berbanding RM332.1 bilion dalam Bajet 2022.

Perbelanjaan pembangunan RM97 bilion juga tertinggi dalam sejarah negara, iaitu yang dijangka menjadi

pemangkin kepada ekonomi domestik dalam usaha negara mencapai sasaran Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) sebanyak 4.5 peratus tahun ini, terutama dalam mengurangi ketergantungan kepada eksport negara yang dijangka perlahan berikutan ekonomi global diramal meleset tahun ini. Sebagai contoh, data Januari lalu menunjukkan ia hanya berkembang 1.6 peratus berbanding tahun lalu dan jauh di bawah unjuran awal 7.4 peratus. Perdagangan negara turut menguncup antara bulan ke bulan menunjukkan lonjakan 2022 kini melalui proses normalisasi.

Berbanding Disember 2022 ketimbang Januari 2023 yang jumlah dagangan, eksport, import dan lebihan dagangan menguncup masing-masing kepada 11.8 peratus, 14.4 peratus, 8.6 peratus serta 35.5 peratus. Bagaimanapun untuk keseluruhan 2023, unjuran eksport dan import dijangka tumbuh sederhana 9.2 peratus dan 9.5 peratus.

Daripada Belanjawan 2023 ini seperti tahun-tahun

lalu, peruntukan terbanyak adalah kepada Kementerian Pendidikan (KPM) dan Kementerian Kestihatan (KKM) yang menunjukkan kerajaan mengekalkan fokus sejak negara merdeka, iaitu kebajikan rakyat dan masa depan negara bergantung kepada generasi muda.

Dengan perbelanjaan sebesar ini dijangka akan memberikan tekanan kepada kewangan kerajaan untuk mengimbangkan antara dasar fiskal dan mengurangkan hutang negara mencecah RM1.2 trilion.

Unjuran pendapatan kerajaan lebih rendah

Kerajaan juga memaklumkan unjuran pendapatan kerajaan RM291.5 bilion adalah lebih rendah berbanding RM294.4 pada 2022, sekali gus memberikan cabaran getir kerana kerajaan juga mahu mengurangkan defisit fiskal kepada 5 peratus.

Bagaimanapun ia adalah belanjawan lebih komprehensif dengan Anwar menggariskan landasan kewangan negara, terutama hutang negara tinggi, tantangan terhadap rasuah, penyelewengan dan pembaziran serta pada masa sama mencari jalan memperbaiki kebijakan rakyat, kesinambungan perusahaan mikro, kecil dan sederhana (PMKS).

Jelas semua cabaran ini tidak mungkin dapat ditangani dalam tempoh singkat seperti hanya satu belanjawan tahunan kerajaan; jelas situasi dibentangkan Anwar memerlukan penstrukturan semula ekonomi yang pasti mengambil lebih masa.

Namun, ada beberapa sorotan seperti kerajaan akan memperkenalkan subsidi bersasar mengambil pendekatan progresif seperti pengalihan dividen Amanah Saham Bumiputera (ASB) berkala, iaitu dividen lebih tinggi 5.1 sen per unit untuk simpanan di bawah RM30,000 dan yang lebih pula dividen 4.6 sen per unit.



Selain itu, tarif elektrik dikekalkan bagi semua pengguna domestik dan perniagaan PKS, tetapi semua syarikat besar kecuali sektor makanan dan pertanian dinaikkan. Cukai barang mewah dan rokok elektronik adalah sesuatu inovatif dan sepatutnya masing-masing sudah diperkenalkan untuk meningkatkan

pendapatan kerajaan.

Satu lagi pendekatan terbaharu, kerajaan akan mengkaji untuk memperkenalkan Cukai Keuntungan Modal bagi pelupusan saham tidak tersenarai oleh syarikat mulai 2024 yang dapat memperbaiki pendapatan kerajaan kerana banyak syarikat perendirian berada dalam situasi kewangan baik.

Walaupun menghadapi pengurangan pendapatan, kerajaan tidak akan memperkenalkan Cukai Barang dan Perkhidmatan (GST) kerana sedar keadaan rakyat terbanyak masih susah, inflasi makanan lebih 5 peratus dan kadar upah masih rendah, maka ternyata saat ini bukan ruang serta masa sesuai untuk memperkenalkan dan melaksanakannya.

PMKS tetap diberi perhatian

PMKS tetap dibela kerajaan dengan pelbagai bantuan kewangan termasuk pengurangan cukai 2 peratus kepada 15 peratus. PMKS sangat mustahak kepada ekonomi negara kerana ia 97 peratus daripada perniagaan berdaya; menjadi majikan kepada 66 peratus tenaga kerja 16 juta orang dan menyumbang 40 peratus kepada KDNK negara.

Pelbagai projek diberikan dahulu dikaji semula untuk ketelusan terutama mengelakkan salah guna kuasa, ini termasuk projek tambahan banjir yang enam daripadanya akan segera ditender semula.

Memelihara biodiversiti dan pengurusan turut diberi penekanan, terutama kepada hutan yang pada masa sama mengurangkan kebergantungan kerajaan negeri kepada hasil pembalakan. Ini langkah bijak mencegah berlaku banjir dan tanah runtuh yang sering dikaitkan dengan pembalakan tidak terkawal.

Kesimpulannya, belanjawan kali ini lebih besar daripada dahulu, namun menghadapi cabaran mengelak hutang negara daripada bertambah. Belanjawan mengembang adalah yang terbaik untuk negara terutama memacu ekonomi domestik dalam menghadapi kemelesetan ekonomi global pada tahun ini.

Diharapkan dasar monetari Bank Negara Malaysia (BNM) dapat menyesuaikan dengan dasar fiskal kerajaan dalam membantu negara untuk mencapai sasaran KDNK 4.55 bagi tahun ini.

Hanya tinggal 10 bulan lagi untuk dilaksanakan dengan menyeluruh, telus dan berkesan kerana Belanjawan 2024 akan dibentangkan pula mungkin dalam tempoh lapan bulan lagi, iaitu Oktober ini.

Semua artikel penulis tamu adalah pendapat peribadi, bukan pendirian rasmi BH



Sidang Redaksi

Pengarang Kumpulan
DATUK AHMAD ZAINI KAMARUZZAMAN
mazzaini@mediaprima.com.my

Timbalan Pengarang Kumpulan
M THILLINADAN
thilly@bh.com.my

Pengarang Eksekutif Pengeluaran
AZHAR A SAMAH
azharas@bh.com.my